



6 Oktober 2021  
6 October 2021  
P.U. (A) 382

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN  
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 11) 2021

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)  
(FEDERAL ROADS) (NO. 11) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 11) 2021

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 469/2021 yang disiarkan pada 17 September 2021, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kanan Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kanan Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 11) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 11 Oktober 2021.

**Larangan**

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, selain di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	(2) <i>Jalan Arah</i>	(3) <i>Tempoh Larangan</i>
--	--------------------------	-------------------------------

Sebahagian Laluan 28, Kenderaan dari Ulu Klang 11 Oktober 2021 hingga  
 Jalan Lingkaran Tengah 2 ke Sungai Besi 11 Ogos 2022  
 (MRR2) arah Sungai dan sebaliknya hendaklah  
 Besi bermula dari menggunakan jalan lencongan  
 seksyen 37.2 hingga sementara sebagaimana yang  
 seksyen 39.0 sebagaimana ditunjukkan dalam peta dalam  
 yang ditunjukkan dalam peta Jadual Kedua  
 dalam Jadual Kedua

JADUAL KEDUA

